

KHUTBAH JUMAAT
“IKTIBAR DARIPADA PERISTIWA ISRA’ DAN MI’RAJ” DALAM
MEMPERKASAKAN AKIDAH UMAT ISLAM
(13 April 2018M / 26 Rejab 1439H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي
بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أُولَى الْفَضْلِ
الْعَظِيمِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama berusaha menyuburkan sifat taqwa kepada Allah *subhanahu wata'ala* di dalam diri kita dengan cara mentaati seluruh perintahNya dan meninggalkan segala yang dilarangnya. Semoga kehidupan kita akan mendapat keberkatan, keredhaan dan kebahagiaan dariNya di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini, akan membicarakan tajuk “***Iktibar Daripada Peristiwa Isra’ dan Mi’raj Dalam Memperkasakan Akidah Umat Islam*** ”.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Isra’ bererti perjalanan Nabi Muhammad SAW dari Masjid Al-Haram di Makkah ke Masjid Al-Aqsa di Baitul Maqdis Palestin. Peristiwa ini dirakam di dalam Al-Quran:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي
بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Maha suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Sedangkan Mikraj adalah perjalanan Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam* dari Masjidil-Aqsa ke Sidratul Muntaha hingga ke Hadratulqudsi. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah an-Najm ayat 13-18;

وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ ﴿١٤﴾ عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَىٰ ﴿١٥﴾
إِذْ يَغْشَى السِّدْرَةَ مَا يَغْشَىٰ ﴿١٦﴾ مَا زَاغَ الْبَصَرُ وَمَا طَغَىٰ ﴿١٧﴾ لَقَدْ رَأَىٰ مِنْ آيَاتِ
رَبِّهِ الْكُبْرَىٰ ﴿١٨﴾

“Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (malaikat Jibril, dalam bentuk rupanya yang asal) sekali lagi, Di sisi "Sidratul-Muntaha"; Yang di sisinya terletak Syurga "Jannatul-Makwa". (Nabi Muhammad melihat jibril dalam bentuk rupanya yang asal pada kali ini ialah) semasa " Sidratul Muntaha" itu diliputi oleh makhluk-makhluk dari alam-alam ghaib, yang tidak terhingga. Penglihatan (Nabi Muhammad) tidak berkisar daripada menyaksikan dengan tepat (akan pemandangan yang indah di situ yang diizinkan melihatnya), dan tidak pula melampaui batas. Demi sesungguhnya, ia telah melihat sebahagian dari sebesar-besar

tanda-tanda (yang membuktikan luasnya pemerintahan dan kekuasaan) Tuhannya.”

Dalam peristiwa tersebut, Nabi *sallallahu ‘alaihi wasallam* ditenangkan oleh Allah *subhanahu wata’ala* dari kesedihan dan musibah yang ditimpakan ke atas Baginda. Dapat kita pelajari bahawasanya cara untuk menenangkan diri adalah dengan mendekatkan diri kita kepada Allah *subhanahu wata’ala*. Mendekatkan diri dengan Allah dengan mengamalkan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya. Disamping itu juga kita melakukan kebaikan sesama manusia dan makhluk-makhluk lain yang boleh mengundang keredhaan dari Allah *subhanahu wata’ala*.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Para Ulama` hadis, feqah dan tafsir sepakat menegaskan bahawa, peristiwa Isra’ dan Mi’raj itu berlaku dalam satu malam berserta roh dan jasad. Kita sebagai umat Islam wajib meyakini peristiwa tersebut dengan sebenar-benarnya kerana peristiwa Isra’ dan Mi’raj Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* ini merupakan suatu ujian keyakinan aqidah terhadap setiap individu muslim sama ada mempercayai dengan sebenar-benarnya tentang peristiwa tersebut dan bukannya meragui, atau ingkar. Sesungguhnya, peristiwa ini merupakan suatu titik proses pemisahan antara orang yang benar-benar beriman dengan orang yang tipis imannya dan yang kufur ingkar terhadap Allah *subhanahu wata’ala* dan Rasul-Nya.

Dalam peristiwa ini, kita ditunjukkan bagaimana wujudnya sahabat-sahabat Nabi yang kukuh imannya dan sentiasa membenarkan

perkataan Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* tanpa syak dan keraguan. Bagaimana jiwa seperti Abu Bakar Al-Siddiq *radhiyallahu 'anhu* apabila Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* memberitahu bahawa semalam aku pergi ke Masjidil Aqsa, dan hari ini aku telah kembali. Satu hal yang sukar untuk dipercayai pada zaman itu. Tetapi jiwa-jiwa tersebut adalah jiwa-jiwa yang mulia. Jiwa yang percaya kepada Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* tanpa berbelah bahagi.

Dari peristiwa besar ini, umat Islam dapat dikelaskan kepada 4 golongan iaitu :

Pertama : Golongan yang yakin. Mereka meyakini apa yang berlaku terhadap Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* adalah benar-benar terjadi tanpa meragukannya sedikitpun, dan perjalanan Isra' dan Mi'raj baginda *sallallahu 'alaihi wasallam* adalah berserta roh dan jasad. Keimanan dan keyakinan yang jitu serta memperakukan peristiwa tersebut seperti yang dilakukan oleh Sayyidina Abu Bakar *radhiyallahu anhu* dalam mempercayai Allah dan Rasul-Nya sehingga mendapat gelaran 'as-Siddiq' yang membawa maksud orang yang benar.

Kedua : Golongan yang ragu, mereka ini adalah mereka yang tipis imannya lalu mengambil jalan tengah dengan menyatakan bahawa Isra' dan Mi'raj Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* hanya berlaku dalam mimpi sahaja, ataupun mereka beranggapan bahawa Isra' dan Mi'raj itu hanya melibatkan roh baginda *sallallahu 'alaihi wasallam* sahaja.

Ketiga : Adalah terdiri dari golongan mereka yang mendustakan peristiwa besar ini. Perumpamaan mereka ini tidak ubah seperti Abu Jahal, Abu Lahab dan kaum musyrikin Quraisy .

Keempat : Golongan yang ingkar; mereka ini meyakini peristiwa Isra' dan Mi'raj, bahkan tahap keyakinan mereka dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj ini menyamai keyakinan golongan pertama tetapi malangnya apabila disuruh mentaati Allah dan RasulNya mereka enggan dan ingkar .

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam kita berhadapan dengan isu-isu berkaitan akidah pada masa kini, umat Islam mestilah mampu menanganinya dengan baik dan bijaksana. Antara panduan yang diajarkan oleh Islam ialah umat Islam tidak menghina atau mencela agama dan kepercayaan yang lain. Ini ditegaskan oleh Allah *subhanahu wata'ala* firmanNya dalam surah Al An'am, ayat 108 :

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا
لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya : “*Dan janganlah kamu memaki sembahhan-sembahhan yang mereka sembah selain Allah, karena mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan*” .

Malah Islam mengajar penganutnya agar sentiasa menyampaikan ajaran Islam kepada umat manusia dengan penuh hikmah, hujah dan tutur kata serta tingkhalaku yang baik.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Saban tahun kita diingatkan bahawa solat adalah ibadah yang diterima oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* secara langsung daripada Allah *subhanahu wata'ala*, ketika baginda *sallallahu 'alaihi wasallam* menghadap Allah *subhanahu wata'ala* di Sidratul Muntaha dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj adalah sesuatu yang berbeza dengan ibadah-ibadah yang lain seperti puasa, zakat, haji dan lain-lain yang diterima melalui perantaraan malaikat Jibril *'alaihis salam*. Ini menunjukkan bahawa ibadah solat ini terlalu istimewa di sisi Allah *subhanahu wata'ala*.

Solat merupakan rukun kedua yang menjadi asas terbinanya Islam, dan ia menjadi tiang agama seperti sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*:

((رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ وَذِرْوَةٌ سَنَامِهِ الْجِهَادُ))

Maksudnya: *Pangkal semua urusan agama adalah Islam, dan tiangnya adalah solat, dan puncak tertingginya adalah jihad.*

(Hadis hadis hasan sahih riwayat Imam al-Tirmizi)

Justeru, sebagai umat Islam, sama ada remaja, lelaki atau perempuan, tua atau muda, miskin atau kaya ataupun apa jua keadaannya selagi akal masih waras hendaklah memerhati dan memahami sedalam-dalamnya mengenai perintah solat ini seterusnya melaksanakan ibadah solat itu sendiri dengan penuh khusyuk dan tawadhuk. Sebab itulah, Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* telah berpesan lebih 1400 tahun yang lalu supaya ibu bapa mengajar, mengajak dan menyuruh anak-anak mereka

mendirikan solat sejak berusia 7 tahun dan pukullah mereka jika enggan solat ketika berusia 10 tahun.

Mudah-mudahan dengan memperingati kembali peristiwa ini akan menjadi pengajaran dan panduan dalam menjalani kehidupan muslim yang teguh berpegang dengan prinsip-prinsip Islam di samping dapat meningkatkan lagi keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Akhir sekali marilah kita bersama-sama memperbanyakkan doa, mudah-mudahan anak-anak dan keturunan kita sentiasa mendirikan ibadah solat sesuai dengan firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Ibrahim, ayat 40:

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ ﴿٤٠﴾

Maksudnya : *Wahai Tuhanku! Jadikanlah aku orang yang mendirikan solat dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا
قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Ya Allah ! Ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada semua dan setiap pemimpin Negara kami, khususnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan

juga semua pemimpin negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Ya Allah, kami bersyukur ke hadratMu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera. Justeru, kami pohon ke hadratMu ya Allah, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat. Suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti yang mulia, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

Pada hari yang mulia ini juga, kami memohon kepada-Mu ya Allah, supaya Engkau kurniakan kepada kami jiwa yang mantap, iman yang teguh, khususnya di kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami. Kami memohon kepadamu ya Allah, jadikanlah setiap individu generasi muda ini golongan yang beramanah, bertanggungjawab, dan berakhlak mulia agar dapat membentuk sebuah masyarakat yang baik, aman dan bertamadun, serta mendapat keampunan, keredhaan dan berkat daripadaMu, ya Allah. Peliharalah kami serta generasi yang mewarisi kami, daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَرْدِكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَفْتِمُوا الصَّلَاةَ.